pada tanah tersebut bagi faedah pembuat wakaf tidak semestinya tidak seragam dengan sesuatu suratcara wakaf, kerana penyimpanan hasil pendapatan bagi faedah pembuat wakaf untuk kegunaannya semasa hidupnya adalah sah (Lihat Hakim Ameer Ali dalam keputusannya di muka 412 di atas). Asas dan sebab perkara ini disebut oleh *Verma* (halaman 580) bahawa hutang pembuat wakaf boleh dibayar daripada wang pendapatan harta bendanya dan ia boleh disarahan daripadanya. Dia mengatakan ini tidak bercanggah dengan konsep sesuatu wakaf yang sah dengan syarat harta wakaf itu secara tertentu dan tetap diberikan kepada tujuan yang dimaksudkan, iaitu untuk berbakti kepada Allah. Walau bagaimanapun sebaik sahaja wakaf itu sempurna ianya tidak boleh dicabar atas alasan ianya tidak dimaksudkan ataupun ianya tidak dilaksanakan (*Verma's* di muka 592). Hak seorang pembuat wakaf dikira hilang sebaik sahaja dia membuat pengisytiharan dan dia atau orang lain tidak boleh mengatakan bahawa apabila ia mengisytiharkan ianya tidak mempunyai tujuan untuk membuat suatu pemberian yang sah (Lihat Hakim Ameer Ali di muka 434 di atas). Walau bagaimanapun jika terdapat perbuatan yang boleh mencacatkan wakaf dari pihak pembuat wakaf, ini sudah tentu menunjukkan bahawa ia sudah melakukan perkara yang berlawanan dengan wakaf itu: ia tidak semestinya menunjukkan yang ia tidak mempunyai tujuan untuk membuatnya.

Adalah betul, seperti yang ditunjuk oleh peguam, sebagai menunjukkan ketiadaan niat yang dikatakan itu, bahawa hak pemilik tanah yang didaftar itu adalah tetap kepada Dato Bentara Luar. Akan tetapi tidak dapat dinafikan juga bahawa hak menggunakan dan mendapat faedah dari tanah itu ada pada mereka yang mendapat faedah dari wakaf itu dan pihak yang dituntut dari saat pengisytiharan wakaf itu, dan di mana mereka sekarang berhak mengikut seksyen 5, Enakmen 1911 supaya hakmilik dipindahkan kepada mereka mengikut undang-undang. Sebenarnya seperti mana dihujjahkan oleh peguam yang dituntut boleh jadi tidak ada tujuan dari Dato Bentara Luar untuk memindahkan hak pemilik yang berdaftar kepada mereka yang berhak mendapat faedah oleh kerana ini boleh membatalkan maksudnya untuk membenarkan anak cucunya mengambil faedah dan hasilnya daripada harta itu buat selama-lamanya. Sepanjang hidupnya dia menjaga tanah tersebut sebagai mutawalli (pengurus) di mana pembuat wakaf boleh melantik dirinya sendiri sebagai pengurus (Lihat *Tyabji* muka surat 607). Pihak yang dituntut tidak memohon pemilikan tanah tersebut diletak kepada mereka lebih awal kerana secara jelas hak mereka di atas tanah tersebut tidak diganggu oleh yang menuntut. Sekarang mereka terpaksa berbuat demikian kerana yang menuntut mencuba mendapat pengakuan hakmilik mereka di atas tanah tersebut.

Oleh itu saya menolak tuntutan pihak yang menuntut dan memberi keputusan kepada pihak yang dituntut atas tuntutan balas mereka dan bayaran kos.

Tuntutan ditolak.

Peguamcara: *Thara Singh Sidhu; Hassan, Kong & Yeam.*

HAMZAH BIN MUSA lwn. FATIMAH ZAHRAH BINTI MOHD. JALAL

[Rayuan Sivil (Mohamed Zahir H.) November 25hb. 1981]
[Kota Bharu — Rayuan Sivil Bil. 19 Tahun 1980]

Kontrek — Undang-Undang Islam — Persetujuan oleh suami Islam untuk membayar $5,000 kepada isteri jika suami menceraikannya — Samada kontrek itu boleh dikuatkuasakan di Mahkamah Majistret — Samada kontrek itu suatu yang tak bermoral atau bertentangan dengan muslihat umum — Akta Kontrek 1950, s. 24.

Undang-Undang Islam — Persetujuan oleh suami untuk membayar $5,000 kepada isteri jika suami menceraikannya — Samada kontrek boleh dikuatkuasakan di Mahkamah Majistret.

Yang merayu dalam kes ini semasa mengahwini dengan yang menentang rayuan telah bersetuju membayar kepadanya $5,000 jika ia menceraikannya. Kemudiannya yang merayu telah menceraikan yang menentang rayuan dan yang menentang rayuan telah menuntut wang sebanyak $5,000. Yang arif Majistret telah membenarkan tuntutan itu dan kemudian yang merayu membuat rayuan.

Diputuskan: (1) Majistret yang Arif ada bidangkuasa untuk membicarakan kes;

(2) kontrek dalam kes ini bukan suatu yang bertentangan dengan muslihat umum mengikut seksyen 24, Akta Kontrek, 1950;

(3) yang menentang rayuan dalam kes ini telah bersetuju mengahwini yang merayu atas syarat jika suami itu menceraikannya, suami itu hendaklah membayar kepadanya $5,000. Yang menentang rayuan telahpun memenuhi tanggung-jawabnya dengan mengahwini pihak merayu dan apabila pihak merayu menceraikannya, dia bertanggungjawab memenuhi kontreknya.

Kes-kes yang dirujuk:

(1) *Nafisah* v. *Abdul Majid* [1969] 2 M.L.J. 174.

(2) *Sak'amah binte Saidin* v. *Tasmin bin Abdul Samad* [1938] M.L.J. 38.

RAYUAN SIVIL.

P. Dorairaj bagi pihak yang menuntut.

M.S. Nayagam bagi pihak yang dituntut.

Mohamed Zahir H.: Yang dituntut merayu atas keputusan Magistret yang mengarahnya supaya membayar wang sebanyak $5,000 yang dikira sebagai kadar yang harus dibayar dari mungkir janji yang telah dibuat oleh yang dituntut kepada bekas isterinya, yang menuntut, dimana ia berjanji tidak akan menceraikan yang menuntut dan andai ia berbuat demikian ia akan membayar kepadanya sebanyak $5,000.

Dalam perbicaraan di mahkamah rendah, yang dituntut tidak menafikan perjanjian itu akan tetapi dia mendakwa bahawa perjanjian itu tidak boleh dilaksanakan kerana ianya bercanggah dengan peruntukan undang-undang Islam. Lagi pun mengikut yang dituntut sebarang penyelesaian selepas perceraian hendaklah diadakan di Mahkamah Kadi kerana kedua-dua pihak adalah berugama Islam.

Mengikut keterangan yang dituntut ialah seorang guru sekolah yang sendiri menulis perjanjian itu. Ia dinamakan "Surat Perjanjian" yang berbunyi seperti berikut —

"Bahawa adalah saya Hamzah bin Musa, K.P. No. 0839666, tinggal di Kampong Kelubi, Jalan Machang, Pasir Putih, Kelantan, dengan sesungguhnya serta dengan hati yang suci mengaku bahawa:

---

* Dialihbahasa dari [1982] 1 M.L.J. 361 oleh Abdullah bin Abu Bakar, Pensyarah, di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya.

Saya bersetuju pada perjanjian yang telah saya buat dengan isteri saya Fatimah Zaharah bt. Mohd. Jalal, K.P. No. 1533783, tinggal di Kampong Pauh Lima, Bachok, Kelantan, saya tidak akan ceraikannya, sekiranya saya cerai isteri saya Fatimah Zaharah binti Mohd. Jalal ini saya akan didakwa dan dibayar sebanyak $5,000.

Tertulis pada 25hb. December 1979.
Adalah saya yang benar,
(Hamzah bin Musa)."

Sejarah ringkas pasangan itu mempunyai peristiwa yang sedihi Yang dituntut pernah berkahwin sebanyak sembilan kali dan telah mencerai semua isterinya sebanyak sembilan kali dengan mendapat anak seramai lapan orang. Salah seorang isterinya ialah yang menuntut yang telah dicerai oleh suaminya sebanyak tiga kali. Selepas menceraikannya kali ketiga yang menuntut didapati mengandung. Mengikut yang dituntut dia mahu mengahwininya semula untuk kepentingan anak itu. Akan tetapi selepas menceraikannya kali ketiga yang dituntut tidak lagi mempunyai hak "rujuk" atau mengambil balik yang menuntut sebagai isterinya sepertimana dia berhak berbuat seperti itu selepas dua penceraian sebelum itu. Mengikut undang-undang Islam selepas penceraian ketiga, bekas isteri mestilah berkahwin semula dengan lelaki lain secara sah dan jika ia diceraikan oleh suami barunya, barulah ia mempunyai kebebasan untuk berkahwin semula dengan bekas suaminya.

Dengan tujuan mengelak diri dari ikatan undang-undang ugama, kedua pihak mengikut keterangan, telah melangsungkan secara "Cina Buta". Ini dilakukan oleh kedua-dua belah pihak yang membuat aturcara dengan seorang lelaki yang mahu mengahwini perempuan itu dengan syarat selepas di akad nikahkan, lelaki itu hendaklah menceraikan perempuan tersebut dan kemudian bekas suami akan dapat berkahwin semula dengan bekas isterinya sebaik sahaja masa eddah yang membolehkan seorang janda berkahwin tamat. Amalan ini dikecam oleh kebanyakan orang Islam sebagai satu cara untuk mengelak peraturan ugama. Buat masa sekarang amalan ini mula berkurangan kalau dibandingkan dengan beberapa tahun yang silam. Walau bagaimanapun ia masih diamalkan oleh pasangan yang lekas naik marah dan suami yang tergopoh gapah membuat keputusan yang kemudiannya berdukacita atas keputusannya. Menyedari bahawa mereka perlu berkahwin dan hidup bersama demi untuk kepentingan anak-anak mereka atau untuk cinta sahaja atau untuk apa-apa sebab lain, setengah-setengah pasangan lebih bersedia untuk melakukan "Cina Buta" walaupun buruk dan keji perkara itu.

Peguam bagi pihak dituntut dalam berhujjah di hadapan saya, telah mengemukakan bahawa Majistret tidak mempunyai bidangkuasa mendengar kes ini dan dia telah merujuk kepada buku Tun Suffian "An Introduction to the Constitution of Malaysia", halaman 99. Ia juga merujuk pada seksyen 9, Enakmen Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam 1966. Seksyen ini menerangkan kuasa-kuasa Mahkamah Syariah untuk mendengar dan menentukan segala perbicaraan dan perguaman yang di antara pihak-pihak itu semuanya berugama Islam dan yang berkenaan dengan —

(i) pertunangan, perkahwinan (termasuk taat balik) perceraian, fasakh atau cerai ta'alik,

(ii) mana-mana pembahagian atau tuntutan kepada mana kepunyaan yang terbit dari mana-mana perkara yang tersebut dalam perenggan kecil (1) dari perengganan ini.

Mengenai perkara ini Majistret telah memutuskan bahawa perkara bidangkuasa pada keseluruhannya adalah bergantung kepada dokumen sama ada ianya berupa kontrek ataupun tidak. Pada pendapatnya oleh kerana perkara ini termasuk di bawah Akta Kontrek 1960, maka Mahkamah Adat sahaja (Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Akta Mahkamah-Mahkamah Kehakiman 1964 dan Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah, 1948) ada bidangkuasa. Walau bagaimanapun, saya mempunyai pendapat yang berbeza. Terdapat ada perkara-perkara di bawah Akta Kontrek 1960 yang boleh juga dibicarakan oleh Mahkamah Syariah. Seksyen 9(b)(ii) Enakmen Mahkamah Syariah 1966 secara jelas menyebutkan beberapa kontrek-kontrek di bawah Akta Kontrek 1960 seperti tuntutan harta benda yang berpunca dari atau berkaitan dengan pertunangan, perkahwinan atau perceraian dan juga kes-kes di bawah seksyen 9(b)(vii) yang bersangkutan dengan penyelesaian dengan balasan atau tanpa balasan.

Ada kes-kes tertentu di mana Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil mempunyai bidangkuasa bersama. Contoh, tuntutan "harta sepencarian", Wakaf atau Nazar yang mana boleh juga didengar di Mahkamah Tinggi. Terpulanglah kepada pihak menuntut memilih mana-mana Mahkamah yang dia rasa lebih memberi faedah. Sebagai contoh, Mahkamah Syariah dalam tuntutan "harta sepencarian" tidak dapat mengarah pelaksanaan tertentu pembahagian separuh bahagian tanah kerana Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa untuk mengeluar arahan untuk pelaksanaan tertentu. Pihak menuntut boleh tuntut hanya kadar harga wang yang seimbang.

Tuntutan-tuntutan kerana mungkir perjanjian hendak berkahwin adalah boleh dibuat di Mahkamah Adat atau di Mahkamah Syariah. Akan tetapi jika ianya dimulakan di Mahkamah Rendah Adat apa yang jelas pada saya ialah seorang lelaki tidak boleh menuntut maskahwin jika ia tidak dibayar oleh kerana perkara maskahwin terletak hanya di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah. Dia boleh menuntut pembayaran balik atau perbelanjaan yang dibuat dan juga atas gantirugi umum. Akan tetapi seksyen 60, Enakmen Mahkamah Syariah Kelantan memperuntukkan seperti berikut:

"... pihak yang mungkir, jika lelaki hendaklah membayar sebagai bayaran gantirugi sebanyak jumlah maskahwin yang patut dibayar bersama-sama bayaran lain yang dibelanjakannya dengan ikhlas sebagai persiapan perkahwinan, atau jika perempuan, memulangkan hadiah-hadiah pertunangan, jika ada, atau sebanyak harga baginya dan membayar sebagai bayaran gantirugi sebanyak jumlah wang yang lain-lain sebagaimana yang tersebut itu, dan hal itu bolehlah dituntut balik dengan cara pendakwaan di mahkamah."

"Mahkamah" yang dimaksudkan di sini ialah Mahkamah Kadhi atau Mahkamah Kadhi Besar atau Mahkamah Jumaah Pengadilan yang merupakan Mahkamah Syariah Rayuan yang mutlak. Jadi, dalam Mahkamah Kadhi seorang yang menuntut boleh juga membuat satu-satu tuntutan berkaitan dengan maskahwin bersama dengan gantirugi.

Walau bagaimanapun, terdapat kes-kes yang walaupun termasuk di dalam Akta Kontrek, adalah terletak di bawah lingkungan bidangkuasa Mahkamah Syariah khususnya. Contohnya, suatu kes di mana ada perjanjian oleh satu pihak sesuatu perkahwinan untuk menangguh bayaran maskahwin kepada suatu masa kemudian. Oleh kerana maskahwin adalah suatu yang perlu dalam perkahwinan mengikut undang-undang Islam, perkara itu hendaklah diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Akan tetapi jika seorang suami membuat perjanjian dengan isteri atau seorang yang akan menjadi isterinya akan memberi sekeping tanah jika berlaku perceraian dan secara jelas itu bukan sebagai maskahwin, perkara ini boleh diputuskan oleh sebuah Mahkamat Adat. Kes yang sedang dibicarakan termasuk di bawah bahagian ini. Dalam kes ini yang sebanyak $5,000 tidak dimaksudkan sebagai maskahwin yang mengikut keterangan telahpun diselesaikan.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa kes yang termasuk di bawah bidangkuasa khusus Mahkamah Adat di mana sungguhpun pihak-pihaknya menjadi suami dan isteri akan tetapi apa yang mereka bersetuju, bersama boleh jadi sesuatu yang tidak ada hubungan dengan Hukum Syara' yang harusnya terhad kepada bahagian-bahagian undang-undang Islam yang diperuntukkan di bawah berbagai Enakmen Negeri yang dimaksudkan untuk ditadbirkan oleh berbagai-bagai Jabatan Ugama Negeri atau Mahkamah Syariah. Undang-undang Islam yang lain seperti pembahagian harta pesaka orang-orang Islam atau pembunuhan, rompakan dan pencurian yang juga ada di bawah undang-undang Islam adalah dibicarakan oleh Mahkamah Adat. Nafkah anak-anak Islam dan janda yang dulunya terletak di bidangkuasa bawah Mahkamah Adat, sekarang dipindahkan kepada bidangkuasa mutlak Mahkamah Syariah.

Suatu perkara lain yang patut diputuskan di sini seperti yang dikemukakan oleh peguam bagi pihak yang kenatuntut ialah bahawa kontrek yang berkenaan takmoral atau bertentangan dengan muslihat umum mengikut seksyen 24 Akta Kontrek. Ada terdapat beberapa kes di mana Mahkamah telah enggan melaksanakan perjanjian-perjanjian kerana bertentangan dengan muslihat umum di mana tujuan-tujuan perjanjian tersebut tidak sah di sisi undang-undang. Chitty di dalam buku mengenai Kontrek, Edisi 14 halaman 904 menyebut tentang perkara muslihat umum:

"Tujuan-tujuan yang atas alasan muslihat umum membatalkan kontrek-kontrek boleh, untuk kemudahan, dikelaskan secara umum ke dalam lima alasan: pertama, tujuan yang taksah oleh kerana Common Law atau dengan perundangan, kedua, tujuan yang memudharatkan kepentingan kerajaan yang sewajarnya sama ada di dalam hal negeri atau luar, ketiga, tujuan yang mengganggu pentadbiran keadilan yang sepatutnya, keempat, tujuan-tujuan yang merosakkan hidup keluarga dan kelima, tujuan-tujuan yang dari segi ekonomi bertentangan dengan kepentingan umum."

Perkara kes ini hanya mungkin boleh dipertimbangkan di bawah kategori yang merosakkan hidup keluarga. Ianya tidak berlawanan dengan mana-mana undang-undang yang tertentu, oleh kerana tidak terdapat undang-undang dalam ugama Islam yang melarang seorang isteri atau bakal isteri membuat suatu kontrek dengan suaminya. Akan tetapi jika ada persetujuan yang dibuat sebelum perkahwinan di mana diperuntukkan si isteri ada kebebasan untuk hidup dengan ibubapanya, persetujuan itu adalah tidak sah kerana mengikut undang-undang Islam, isteri mestilah tinggal bersama suaminya. Samalah kedudukannya apabila satu-satu persetujuan dibuat selepas perkahwinan antara seorang suami dan isteri yang pada satu masa sebelum persetujuan dibuat tinggal berasingan, dengan harapan mereka akan hidup bersama, akan tetapi diperuntukkan jika si isteri tidak dapat bersetuju dengan si suami ia ada kebebasan untuk meninggalkannya, persetujuan seperti itu adalah taksah. Akan tetapi persetujuan membenarkan isteri kedua tinggal di dalam sebuah rumah berasingan dan memberikannya nafkah telah dikuatkuasakan. (Lihat *Mulla,* Principles of Muhammadan Law, Edisi ke 17, halaman 275).

Tuntutan gantirugi oleh seorang perempuan atas alasan mungkir kontrek untuk berkahwin dengan mengenakan bayaran balik wang yang telah dibelanjakan adalah boleh dikuatkuasakan (lihat *Nafisah* v. *Abdul Majid*[1]).

Jadi, sama ada kontrek-kontrek itu boleh dikuatkuasakan atau tidak adalah tergantung keseluruhannya kepada tujuan kontrek-kontrek itu. Satu-satu persetujuan yang dibuat semasa dengan perkahwinan di mana si suami berjanji tidak akan menganiayakan isterinya dan ia bersetuju supaya isteri akan berhak menuntut nafkah biasa sekiranya hubungan antara mereka menjadi rumit tidak terbatal atas hujjah ia bertentangan dengan muslihat umum (lihat *Pollock,* on Indian Contract and Specific Relief Acts, 8th Ed. p. 171).

Dalam kes *Sak'amah binte Saridin* v. *Tasmin bin Abdul Samad,*[2] suami dan isteri telah membuat kontrek dimana si isteri bersetuju memindahkan sekeping tanah yang dimileki olehnya sebagai amanah untuk suaminya kepada suami itu jika ia menuntut cerai dari suaminya. Apa yang berlaku ialah si isteri telah menuntut cerai dan bekas suaminya menuntut dipindahkan tanah itu kepadanya. Telah diputuskan oleh Hakim Cussen:

"Persetujuan memindah-milikan harta benda dalam keadaan percerian berlaku sejajar dengan prinsip undang-undang Islam dan Adat orang-orang Melayu dan oleh itu ianya suatu persetujuan yang sah di sisi undang-undang."

Suatu alasan rayuan lain ialah dokumen yang berkenaan bukannya satu "Surat Akuan" di dalam ertikata surat akuan berkanun. Memanglah ia bukan surat akuan berkanun. Ia adalah satu kontrek di mana yang menuntut telah bersetuju berkahwin dengan yang kenatuntut dengan syarat jika pihak kenatuntut menceraikan pihak menuntut ia berjanji akan membayar wang kepadanya sebanyak $5,000. Pihak menuntut telah memenuhi janjinya dengan mengahwininya dan atas perbuatan menceraikannya yang kenatuntut adalah berkewajipan melaksanakan tanggungjawabnya dalam kontrek.

Saya menolak rayuan dengan bayaran perbelanjaan. Wang deposit sebanyak $150 yang dibayar oleh yang merayu hendaklah dibayar kepada yang menentang rayuan sebagai sebahagian daripada perbelanjaan.

Rayuan ditolak.